

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
[LANANG]**

TARIKH : 17.11.2015

SOALAN :

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada buku teks Sejarah di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah akan dikaji semula supaya penulisan sejarah dalam buku teks sejarah sekurang-kurangnya satu pertiga adalah sejarah Sabah dan satu pertiga adalah sejarah Sarawak memandangkan Sabah dan Sarawak merupakan "*Equal Partners*" dengan Semenanjung Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa mengambil berat dan mempertimbangkan pandangan umum bagi memperbaiki kualiti pendidikan negara termasuk kandungan dalam buku teks mata pelajaran Sejarah sebagaimana yang dibangkitkan. Untuk makluman, KPM memang mengambil maklum pandangan umum berkaitan Sejarah di negeri Sabah dan Sarawak terutama tentang sejarah awal, tokoh, budaya, etnik dan pendidikan yang dikatakan masih kurang dalam kandungan kurikulum.

Ingin dijelaskan bahawa, penulisan buku teks Sejarah KPM adalah mengikut keperluan tajuk/tema yang terdapat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), KPM dan adalah mengikut kehendak kurikulum berdasarkan rentetan kronologi masa dan peristiwa sejarah negara.

Berdasarkan dapatan Tinjauan Kurikulum Sejarah Sekolah Menengah pada tahun 2011 yang telah dijalankan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), dalam Dokumen Kurikulum KBSM (Semakan), mendapati bahawa sebanyak 56.78% responden mengatakan Sejarah Sabah dan Sarawak adalah mencukupi dalam kurikulum.

Dalam Penulisan Buku Teks KBSM (Semakan), Sejarah negeri Sabah dan Sarawak banyak ditulis dalam Buku Teks Tingkatan 1, 2, 3 dan Tingkatan 5. Kandungan kurikulum Tingkatan 4 pula adalah berfokus kepada Sejarah Tamadun Dunia. Manakala, bagi sekolah rendah, sejarah negeri Sabah dan Sarawak juga telah disentuh dalam Topik Pembentukan Malaysia 1963 dalam buku teks Sejarah Tahun 6.